

**Sempena Aidilfitri, Najib minta maaf selaku menteri kewangan**  
**The Malaysian Insider**  
**August 3, 2015**  
**Oleh Kc Nazari**

Datuk Seri Najib Razak hari ini mengambil kesempatan sewaktu sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Kementerian Kewangan untuk meminta maaf jika beliau tidak melaksanakan tugasnya sebagai menteri dengan baik selama ini.

Bercakap mewakili Menteri Kewangan II Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Najib berkata beliau dan seluruh kementerian mempunyai tanggungjawab berat dalam mengemudi ekonomi negara peringkat serantau.

"Kalau ada apa-apa kesilapan, kekhilafan, kekasaran selama ini saya bersama Datuk Seri Husni memohon ampun dan maaf.

"Kita sebagai sebuah kementerian mempunyai tanggungjawab yang sangat berat menghadapi suasana ekonomi serantau yang memerlukan penumpuan tugas yang sangat rapi," katanya dalam ucapan ringkas di Putrajaya, tengah hari ini.

"Kita mesti membuat persediaan yang sangat baik, strategi kewangan, dan strategi fiskal yang tepat supaya pada akhirnya rakyat Malaysia akan dapat memenuhi segala aspirasi mereka.

"Kita mesti faham isi hati rakyat dan Insya Allah saya yakin percaya sebagai satu pasukan Kementerian Kewangan mampu menggalas amanah dengan sangat baik," katanya. – 3 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sempena-aidilfitri-najib-minta-maaf-selaku-menteri-kewangan>